KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	15/1/2022 (SABTU)	MUKA SURAT	:	25
JABATAN	:	TNB			

'TNB tunai impian arwah ayah'

SH
15.1.2022 25

BATU GAJAH - "Arwah ayah pernah menyatakan hasrat mahu menyediakan rumah baharu untuk kami, sekarang hasrat itu dapat terlaksana juga," kata Norfatihah Norazam, 19.

Norfatihah berkata, Allahyarham ayahnya, Norazam Abdul Rahman, 49, terpilih sebagai penerima bantuan rumah baharu di bawah projek Baiti Jannati Tenaga Nasional Berhad (TNB) tahun lalu.

Bagaimanapun menurutnya, hasrat Allahyarham untuk melihat rumah itu siap tidak kesampaian apabila meninggal dunia pada Oktober tahun lalu selepas menderita akibat strok selama enam tahun.

"Ayah sangat berbesar hati dengan bantuan ini sampaikan tidak sabar-sabar menunggu rumah baharu siap.

"Sebelum pergi, dia ada kata nak hias rumah ini, biar nampak cantik dan selesa untuk kami tinggal bersama," katanya ketika ditemui pemberita sempena majlis penyerahan rumah berkenaan di Kampung Tersusun Sungai Terap, di sini pada Jumaat.



Norismah (dua dari kanan) bersama tiga anaknya di hadapan rumah baharu mereka di Kampung Tersusun Sungai Terap, Batu Gajah.

Hadir sama, Exco Infrastruktur, Tenaga, Air dan Pengangkutan Awam Perak, Datuk Mohd Zolkafly Harun; Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Baharin Din dan Pengurus Besar TNB Perak, Datuk Sharuddin Mohd Simin.

Sementara itu, isteri Allahyarham, Norismah Ismail, 49, berkata, rumah lama yang menjadi tempat berteduh bersama tiga anak masing-masing berusia 19, 16 dan 12 tahun sudah tidak selamat lagi untuk didiami.

Katanya, rumah pusaka berusia lebih 50 tahun itu telah reput dimakan anai-anai dan hanya menanti waktu untuk roboh.

"Arwah terlantar sejak enam tahun lalu. Saya banyak bergantung kepada duit bantuan bulanan dan pencen ilat suami untuk uruskan perbelanjaan.

"Alhamdulillah kami bersyukur sangat dapat rumah ini," katanya.

Kediaman tiga bilik itu mula diduduki keluarga berkenaan sejak tiga minggu lalu.